

04/11/1998

Tiada cadangan kerja 5 hari

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan belum bercadang melaksanakan waktu bekerja lima hari seminggu bagi kakitangan awam seperti dicadangkan oleh kesatuan sekerja, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Menurutnya, cuti satu hari Sabtu setiap bulan seperti diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 1999 baru-baru ini, sudah memadai.

Sehubungan itu, katanya, keputusan berkenaan perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum memikirkan waktu bekerja lima hari seminggu. Cuti satu Sabtu setiap bulan akan dilaksanakan mulai Januari depan.

"Cuti satu hari (Sabtu) adalah perkembangan besar. Kita tengoklah dulu macam mana keadaannya," katanya mengulas cadangan Cuepacs dan MTUC supaya kakitangan sektor awam diberi insentif lain sebagai ganti bonus 1998 dan penetapan kerja lima hari seminggu.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Program Pengurusan Tertinggi Komanwel di sini hari ini, kesatuan sekerja boleh mengemukakan cadangan mereka dan terpulang kepada kerajaan memberi pertimbangan.

Baru-baru ini, Cuepacs mencadangkan agar kerajaan memberi insentif bagi meringankan beban kewangan kakitangan sektor awam berikutan keputusan tidak memberi bonus seperti diumumkan oleh Perdana Menteri.

Halim berkata, kerajaan juga belum mengambil sebarang keputusan hari Sabtu yang akan ditetapkan untuk kakitangan awam bercuti seperti diumumkan baru-baru ini.

"Kita menerima banyak cadangan daripada pihak tertentu. Ada yang kata Sabtu minggu pertama dan sesetengahnya mencadangkan hari Sabtu minggu akhir setiap bulan.

"Kita akan teliti dan membuat keputusan segera selepas mengenal pasti hari Sabtu yang sesuai," katanya.

Mengenai cadangan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datu Seri Sabbaruddin Chik supaya kerajaan menetapkan hari Sabtu minggu pertama, Halim berkata, pihaknya sudah menerima cadangan itu.

Sabbaruddin sebelum ini berkata hari Sabtu minggu pertama sesuai dipilih kerana kakitangan awam baru menerima gaji dan mereka boleh membawa keluarga bersiar-siar dan boleh membantu industri pelancongan tempatan.

Dalam perkembangan lain, Halim berkata, kerajaan sudah mengenal pasti lebih kurang 70 kakitangan awam yang terbabit dalam perhimpunan haram ekoran pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Mereka yang ditahan dan didapati bersalah akan dikenakan tindakan seperti yang terkandung dalam peraturan sedia ada," katanya.

(END)